



PELAN STRATEGIK
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
2021-2025

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN MPKj

1.1	Carta Organisasi	01
1.2	Asal usul Nama Kajang	03
1.3	Sejarah Sate Kajang	04
1.4	Sejarah MPKj	05
1.5	Latar Belakang MPKj	06
1.6	Peta Keluasan Kawasan MPKj	07
1.7	Guna Tanah Sediada Kawasan Pentadbiran MPKj	08
1.8	Jumlah Pegangan Dan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2010 Sehingga 2020	09
1.9	Pencapaian	11
1.10	Transformasi	17
1.11	Punca Kuasa	21
1.12	Pihak Berkepentingan	22
1.13	Garis Masa	23
1.14	Garis Perancangan	25

2.0 HALA TUJU PELAN STRATEGIK

2.1	Visi, Misi & Moto	27
2.2	Terjemahan Konsep dan Ciri-ciri	28
2.3	Konsep Skor	31
2.4	Strategik & Inisiatif Skor	32

2.5	Teras Strategik	34
2.5.1	Teras 1- Memperkasa Tadbir Urus Organisasi	35
2.5.2	Teras 2- Membudayakan Inovasi Dan Teknologi	37
2.5.3	Teras 3- Mewujudkan Komuniti Yang Responsif Dan Bertanggungjawab	39
2.5.4	Teras 4- Menyediakan Perkhidmatan Perbandaran Berkualiti	41
2.5.5	Teras 5- Merealisasikan Pembangunan Terancang Dan Mampan	43

3.0 IMPAK DAN PENGUKURAN

3.1	Impak	45
3.2	Pengukuran Pencapaian	46

PENUTUP





PENDAHULUAN

Majlis Perbandaran Kajang telah merangka Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kajang bagi tahun 2021-2025 sebagai suatu usaha untuk melonjakkan kecemerlangan perkhidmatan jabatan dengan merangka strategik objektif ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan infrastruktur.

Segala gerak kerja untuk menghasilkan pelan ini juga mengambil aspirasi suara hati masyarakat Selangor terutama komuniti di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang dengan komitmen yang berterusan daripada seluruh warga MPKj. Sekiranya komitmen transformatif pembangunan berdaya huni serta bandar mampan terus disepadukan elemen sosial, ekonomi, rohani dan alam sekitar kekal sebagai dimensi utama MPKj pastinya impian menjadikan Majlis Perbandaran Kajang dinaiktaraf sebagai Majlis Bandaraya Kajang pada tahun 2023 akan dapat direalisasikan.


Sehubungan dengan itu, Pelan Strategik ini merupakan usaha berterusan MPKj untuk terus bergerak ke hadapan dan akan dapat direalisasikan dengan mendapat kerjasama daripada seluruh warga kerja perbandaran dan pemegang taruh bagi mencapai matlamat ke arah pembentukan budaya kerja cemerlang. Semoga Pelan Strategik MPKj 2021-2025 ini akan menjadi rujukan dan panduan untuk mendepani cabaran dan terus berada di landasan yang betul bagi membawa MPKj ke puncak kejayaan.


Akhirnya diharapkan MPKj akan terus melaksanakan segala tanggungjawab yang dipikul dengan baik agar segala perancangan dan tindakan yang dilaksanakan ini, dapat memberi manfaat dan kebaikan terutama kepada seluruh lapisan masyarakat.

PENGENALAN MPKj



CARTA ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN KAJANG







Asal usul nama *Kajang*

PENDAPAT PERTAMA

Kajang dipercayai telah diterokai oleh orang orang Suku Temuan kira-kira pada tahun 1580. Suku inilah yang memberi nama Kajang berdasarkan sejenis mengkuang hutan yang digunakan untuk membuat atap. Mengkuang ini tumbuh dengan banyaknya di kawasan itu.

PENDAPAT KEDUA

Batin Berenggal Besi merupakan seorang pembesar di Sungai Ujong dan beliau pernah mendirikan pondok-pondok di pinggir sungai yang terletak di kawasan Kajang sekarang. Pondok-pondok tersebut menggunakan atap mengkuang. Kemudiannya, beliau mendapati tempat itu sesuai dijadikan penempatan. Sempena bentuk atap mengkuang lipat kajang pondok yang didirikan itulah lahirnya nama Kajang.


PENDAPAT KETIGA

Menurut satu riwayat, perkataan berkajang' bagi orang Mandailing bermaksud berpondok. Menurut orang Bugis pada perkataan itu bermaksud 'bertikam atau bergaduh'. Kedua dua puak ini pernah bertikaman di salah sebuah kawaan bukit berhadapan stesen keretapi yang ada sekarang kerana salah faham tentang maksud perkataan berkajang'. Peristiwa ini berlaku semasa kedua-dua golongan ini menghulu Sg. Langat kerana melarikan diri daripada perang saudara yang berlaku di Kelang di antara tahun 1867

hingga 1873. Setelah peristiwa tersebut tempat ini diberi nama Kajang.

Sumber:

Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat MPKj





SEJARAH *Sate Kajang*

Sate di Kajang dipelopori oleh Tasmin bin Sakiban pada tahun 1917. Beliau berasal dari Pulau Jawa, Indonesia. Pada tahun 1914, Tasmin tiba di Kajang melalui Sungai Langat dan beliau berlabuh di tebing Sungai Jelok (belakang Plaza Metro sekarang). Haji Nor @ Wak Darmon, iaitu bapa saudara Tasmin yang mengajaknya datang ke Kajang. Adik kandung Tasmin, iaitu Rono Bin Sakiban sampai ke Kajang lebih awal lagi, iaitu pada tahun 1911. Tasmin memulakan perniagaan di Kajang dengan menjual sup dan nasi kepal atau ketupat.

Sate dijual secara berkandar di sekitar kawasan Kajang dari Kampung Paya, Batu 14 hingga Pekan Kajang. Penjaja sate ini akan menyinggah ke rumah-rumah yang memanggilnya di sepanjang perjalanan. Rono turut membantu Tasmin untuk menjual sate secara sambilan. Beliau bekerja di ladang getah di beberapa tempat seperti di West Country, Kajang. Maklumbalas daripada pelanggan telah mengubah cara sate disajikan. Haji Tasmin memperkenalkan mangkuk besar dan mangkuk-mangkuk kecil untuk setiap pelanggan. Para pelanggan tidak lagi berkongsi mangkuk untuk mencelup kuah. Kemudiannya mangkuk kecil dan cili disediakan untuk pelanggan yang inginkan rasa kuah yang lebih pedas. Ada pendapat yang mengatakan Wak Jono Darmon juga menjalankan perniagaan sate selepas Tasmin. Perniagaan sate Wak Jono Darmon diteruskan oleh anak lelakinya Wak Bagong dan menantu lelakinya Rono Sakiban

Sumber

Sumber Perancangan Korporat dan Pembangunan Masyarakat MPKj

JENIS-JENIS SATE KAJANG

Perkembangan di dalam teknologi makanan telah menghasilkan pelbagai jenis sate selain ayam dan daging antaranya:

- | | |
|---------------------|------------------------|
| 1. Sate Ikan | 8. Sate Hati Lembu |
| 2. Sate Arnab | 9. Sate Rusa |
| 3. Sate Paru | 10. Sate Kaki Ayam |
| 4. Sate Tulang Ayam | 11. Sate Hati Ayam |
| 5. Sate Perut | 12. Sate Tongkeng Ayam |
| 6. Sate Kambing | 13. Sate Itik |
| 7. Sate Ayam Turki | 14. Sate Limpa |





Sejarah Mpkj

Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah ditubuhkan secara rasminya pada 1hb. Januari 1997. Sebelum dinaiktaraf Perbandaran, MPKj dikenali sebagai Majlis Daerah Hulu Langat yang mana ianya telah beroperasi sejak 1hb. Januari 1986 di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kawasan pentadbirannya meliputi Mukim Kajang, Mukim Cheras, Mukim Semenyih, Mukim Beranang & Mukim Hulu Langat.

Rasionalnya, penubuhan MPKj adalah sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang dinamik di mana dapat merancang dan membangunkan kawasan Kajang secara pesat & teratur. Ia berikutan pertambahan penduduk di Mukim Kajang yang semakin pesat dari tahun ke tahun. Selain itu penubuhan MPKj bersesuaian kerana semakin banyak pembukaan kawasan-kawasan perumahan & pembangunan projek mega di sekitar kawasan pentadbiran MPKj.

Majlis Perbandaran Kajang kini mempunyai beberapa rangkaian pejabat-pejabat kecil / pejabat cawangan iaitu di Bandar Tun Hussein Onn Cheras dan Hentian Kajang Jalan Reko. Keluasan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang adalah seluas 78,761 hektar (787.61 km persegi).

Majlis Perbandaran Kajang sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sentiasa berusaha mensejahterakan hubungan dengan Kerajaan Pusat & Kerajaan Negeri. Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan adalah pemegang berkepentingan yang menyusun dasar-dasar yang merangkumi pelbagai aspek perancangan, pembangunan dan pengurusan untuk digunakan oleh PBT seluruh negara termasuk MPKj.

MPKj dan Bandar Kajang memiliki beberapa keunikan serta faktor pembeza. Sate Kajang adalah jenama komersial di seluruh negara dan juga luar negara. Dari segi geografinya, Kawasan MPKj disempadani Kuala Lumpur yang merupakan pusat perdagangan Malaysia dan Putrajaya yang merupakan pusat pentadbiran negara. Selain itu, MPKj dikelilingi oleh 3 Negeri di semenanjung iaitu Pahang Darul Makmur, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan Darul Khusus. Kawasan MPKj juga beruntung kerana di dalamnya terdapat pelbagai Institut Pengajian Tinggi yang menjadikannya berpotensi tinggi sebagai Bandar Keilmuan yang memberi manfaat kepada warganya.

LATAR BELAKANG

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

DITUBUHKAN

MPKj telah ditubuhkan secara rasminya pada 1hb Januari 1997

NAIK TARAF

Sebelum dinaiktaraf perbandaran, MPKj dikenali sebagai Majlis Daerah Hulu Langat yang mana ia telah beroperasi sejak 1hb Januari 1986

KAWASAN PENTADBIRAN

Kawasan pentadbiran meliputi Mukim Kajang, Mukim Cheras, Mukim Semenyih, Mukim Hulu Semenyih, Mukim Beranang dan Mukim Hulu Langat

RANGKAIAN

MPKj mempunyai beberapa rangkaian pejabat kecil/ pejabat cawangan iaitu Bandar Tun Hussein Onn, Hentian Kajang dan Metro Avenue

KELUASAN KAWASAN MPKj



MUKIM	LUAS
KAJANG	9,298 Hektar
CHERAS	5,931 Hektar
SEMENYIH	9,557 Hektar
BERANANG	6,190 Hektar
HULU LANGAT	29,448 Hektar
HULU SEMENYIH	18,448 Hektar
JUMLAH KESELURUHAN	78,761 Hektar

GUNA TANAH SEDIADA KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



JENIS GUNA TANAH	LUAS (HEK)	(%)
TEPU BINA		
Kediaman	7,854.57	9.92
Industri ²	953.58	3.75
Perniagaan dan perkhidmatan	514.58	0.65
Institusi & Kemudahan Masyarakat ²	833.84	3.60
Tanah Lapang & Rekreasi	1,740.92	2.21
Pengangkutan	5,245.15	6.66
Infrastruktur & Utiliti ¹	310.53	1.66
JUMLAH	22,452.92	28.51

JENIS GUNA TANAH	LUAS (HEK)	(%)
BUKAN TEPU BINA		
Tanah Kosong	3,390.89	4.31
Pertanian	17,334.89	3.75
Hutan	35,343.93	0.65
Badan Air	238.37	3.60
JUMLAH	78,761.00	100

JUMLAH PEGANGAN DAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA TAHUN 2020

TAHUN	PEGANGAN	NILAI PEGANGAN	CUKAI TAKSIRAN
2020	337,112	RM1,425,319,653.15	RM117,977,423.24
2019	326,593	RM1,388,758,747.15	RM114,686,958.39
2018	310,340	RM1,326,572,092.15	RM109,588,631.75
2017	294,091	RM1,233,541,882.54	RM101,652,712.22
2016	279,211	RM1,173,599,183.32	RM96,671,087.94
2015	266,912	RM1,104,795,680.32	RM90,957,482.59
2014	258,872	RM1,051,018,232.24	RM86,440,764.25
2013	245,034	RM977,810,181.44	RM80,271,614.39
2012	238,478	RM937,703,173.44	RM77,038,132.97
2011	232,884	RM899,868,398.44	RM73,914,030.11
2010	226,553	RM861,422,949.44	RM70,896,835.29



CUKAI

Pencapaian Majlis Perbandaran Kajang

2000	2001	2002	2003	2004
<ul style="list-style-type: none"> • Pengiktirafan MS ISO 9002 : 1994 • Sijil Audit Penyata Kewangan 31 Disember 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Audit Penyata Kewangan 31 Disember 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengiktirafan MS ISO 9001 : 2000 • Sijil Audit Penyata Kewangan 31 Disember 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Audit Penyata Kewangan 31 Disember • Juara Bola Sepak SKT Peringkat Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Audit Penyata Kewangan 31 Disember • Juara Bola Sepak SKT Peringkat Negeri

2012	2013	2014
<ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Malaysia Government Portals And Websites Assessment (MGPWA) – 5 Bintang • Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akautabiliti Tahun 2011 - 4 Bintang • Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan • The Malaysia Book Of Records Biggest Satay Stick 	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Penarafan Bintang (SPB-PBT) – 4 Bintang • Sijil Penghargaan Anugerah Bandar Mampan • Sijil Audit Penyata Kewangan 31 Disember • Johan Penglibatan Komuniti Pertandingan Zon Bersih PBT Negeri Selangor • Anugerah Malaysia Government Portals And Websites Assessment (MGPWA) – 5 bintang 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama Dalam Masyarakat (SSMI) • Sijil Tauliah Malaysia • The Malaysia Book Of Records Biggest Satay Stick • Sijil Penghargaan Anugerah Bandar Mampan • Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akautabiliti Tahun 2011 - 4 Bintang • Sijil Audit Penyata Kewangan • Anugerah Malaysia Government Portals And Websites Assessment (MGPWA) – 5 bintang

2015
<ul style="list-style-type: none"> • Konvensyen Wilayah Team Excellence (RTEX) Peringkat Wilayah Tengah 2018 (MPC), Penerima Anugerah Emas : Kumpulan KIK Double Impact , Gisspeed & Padparadscha. • Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2018 (Suk Selangor), Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan), Johan : Kumpulan Kik Double Impact, Naib Johan : Kumpulan Kik Padparadscha. Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan),johan : Kumpulan KIK Gisspeed Projek Inovas Primer Terbaik : Kumpulan KIK Gisspeed • Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Tahun 2018 (MPC) • Certificate Provisional Low Carbon Cities Framework & Assessment System (LCCF) • Anugerah Pengiktirafan Persekitaran Mampan Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (JPBDNS) • Anugerah Sumber Manusia 2018 Peringkat Negeri Selangor Keempat : Kumpulan KIK Key Solution

2005

- Juara Bola Sepak SKT Peringkat Negeri
- Sijil Audit Penyata Kewangan 31 Disember

2006

- Malaysia Government Portals And Websites Assessment (MGPWA) – 2 bintang
- Sijil Audit Penyata Kewangan 31 Disember

2007

- Malaysia Government Portals And Websites Assessment (MGPWA) – 3 bintang
- Juara Bola Sepak SKT Peringkat Negeri
- Sijil Audit Penyata Kewangan 31 Disember

2008

- Sijil Audit Penyata Kewangan 31 Disember
- Perbarisan Maal hijrah (Tempat ke 4)

2009

- Malaysia Government Portals And Websites Assessment (MGPWA) – 4 bintang
- Pengiktirafan MS ISO 9001 : 2008
- Star Rating (pengiktirafan 3 bintang kepada 4 bintang oleh Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan
- Top 5 Online Services daripada MDEC
- Sijil Audit Penyata Kewangan 31 Disember

14

- Menjayakan Sistem Semakan
- Trustmark Sektor Awam
- of Records First Team To
- n Highway Tahun 2014
- Anugerah Bandar Mampan
- ngan Pengurusan Kewangan
- autabiliti Tahun 2014
- wangan 31 Disember
- a Government Portals And
- (MGPWA) – 5 Bintang

2015

- The Malaysia Book Of Records – Longest Satay Line
- Guinness World Record The Largest Holdall Tahun 2015

2016

- Pengiktirafan MS ISO 9001 : 2015
- Sistem Penarafan Bintang (SPB-PBT) – 5 Bintang
- Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S
- MIP Planning Excellence Awards 2016 Oleh Malaysian Institute Of Planners
- Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2016 (Kategori Perbandaran) Oleh KPKT

2017

- Anugerah Laluan Pejalan Kaki 2017 Daripada (KPKT)
- Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Tahun 2017 (MPC)
- Sambutan Ulangtahun Ke-20 Tahun Mpkj
- Pengiktirafan MS ISO 9001 – 2015
- Information Security Management System (ISMS) MS ISO 27001 : 2013

18

- Tempat Ke-3 Anugerah Bandar Mampan kategori Perbandaran Pihak Berkuasa Tempatan (PLAN)
- Anugerah Inovasi Negeri Selangor 2018 Hadiah Penghargaan Kategori Sektor Awam : Kumpulan KIK Green Global
- Annual Productivity & Innovation Conference Exposition 2018 20 Terbaik : Kumpulan KIK Gisspeed , Kumpulan KIK Double Impact
- MIP Planning Excellence Awards 2018 SPECIAL MENTION - Placemaking & Public Space Award (Public Sector) MERIT - Place Making & Public Space Award (Private Sector)


2019

- *Malaysian Tecnology Expo 2019 The JIPA Special Awards (Best Innovation For Public Service Technology) : Kumpulan KIK Gisspeed Gold Awards (Public Service Innovation Awards) : Kumpulan KIK Gisspeed Bronze Awards (Public Service Innovation Awards) : Kumpulan KIK Double Impact*
- *SIRIM Invention, Innovation & Technology Expo 2019 Gold Awards : Kumpulan KIK Padparadscha & Kumpulan KIK Green Global Silver Awards : Kumpulan KIK Double Impact*
- *Green Initiatives Award - Bangi Town Park (Government Agency) MLAA*
- *5 Bintang Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) KPKT*
- *Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah (RTEEx) 2019 Wilayah Pantai Timur Gold Awards : Kumpulan KIK Phoenix Recruit & Kumpulan KIK Green Global Generation*
- *Naib Johan Perbarisan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Selangor 2019*
- *Persijilan Semula Amalan Persekitaran Berkualiti 5S (MPC)*
- *Pengiktirafan 4 Diamond (Recognition Low Carbon Cities 2030 Challenge) IGEM*
- *Anugerah Khas International Innovation : Kumpulan KIK Gisspeed.*
- *Annual Productivity & Innovation Conference And Exposition (APIC) 2019 5 Bintang : Kumpulan KIK Pheonix Recruit & Kumpulan KIK Green Global Generation*
- *Anugerah Youth Park Sg. Kantan Kajang (Outdoor Public Park) MIP*
- *Penghargaan Komitmen PBT Daripada JPBD Negeri Selangor*


2020

- *Malaysian Tecnology Expo 2019 The JIPA Special Awards (Best Innovation For Public Service Technology) : Kumpulan KIK Gisspeed Gold Awards (Public Service Innovation Awards) : Kumpulan KIK Gisspeed Bronze Awards (Public Service Innovation Awards) : Kumpulan KIK Double Impact*
- *SIRIM Invention, Innovation & Technology Expo 2019 Gold Awards : Kumpulan KIK Padparadscha & Kumpulan KIK Green Global Silver Awards : Kumpulan KIK Double Impact*
- *Green Initiatives Award - Bangi Town Park (Government Agency) MLAA*
- *5 Bintang Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) KPKT*
- *Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah (RTEEx) 2019 Wilayah Pantai Timur Gold Awards : Kumpulan KIK Phoenix Recruit & Kumpulan KIK Green Global Generation*
- *Naib Johan Perbarisan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Selangor 2019*
- *Persijilan Semula Amalan Persekitaran Berkualiti 5S (MPC)*
- *Pengiktirafan 4 Diamond (Recognition Low Carbon Cities 2030 Challenge) IGEM*
- *Anugerah Khas International Innovation : Kumpulan KIK Gisspeed.*
- *Annual Productivity & Innovation Conference And Exposition (APIC) 2019 5 Bintang : Kumpulan KIK Pheonix Recruit & Kumpulan KIK Green Global Generation*
- *Anugerah Youth Park Sg. Kantan Kajang (Outdoor Public Park) MIP*
- *Penghargaan Komitmen PBT Daripada JPBD Negeri Selangor*


PENCAPAIAN STAR RATING BERDASARKAN TAHUN




MENDUDUKI **TANGGA KE-11** KESELURUHAN DARIPADA **149 PBT** DI MALAYSIA



PENCAPAIAN ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC), MPKj



MARKAH KESELURUHAN APPC NEGERI SELANGOR TAHUN 2020 MARKAH BAGI KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN



Pencapaian Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)



**MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM 2020 (SUK SELANGOR)
KATEGORI INOVASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (PENAMBAHBAIKAN)**

**JOHAN : KUMPULAN KIK SMART KIDDE
JABATAN : PERANCANG PEMBANGUNAN**



KONVENSYEN WILAYAH TEAM EXCELLENCE (RTEX) PERINGKAT WILAYAH SELATAN 2020 (MPC)

**PENERIMA ANUGERAH EMAS :
KUMPULAN KIK TECH IMPACT & KUMPULAN KIK SUGURETA**

JABATAN : PENGUATKUASAAN & PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN



**GREENPASS OPERATION SEDA MALAYSIA
LOW CARBON BUILDINGS ASSESSMENT
MENARA MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**

**PENCAPAIAN STATUS BANDAR MAMPAN
TAHUN 2020 (10 PBT MAMPAN)
KATEGORI PERBANDARAN**



TRANSFORMASI BANDAR KAJANG



NOSTALGIA BANDAR KAJANG

TRANSFORMASI BANDAR KAJANG



**BANDAR KAJANG
2017**



SUNGAI GABAI



GUNUNG NUANG



SUNGAI TEKALA



BANGI WONDERLAND



TAMAN TASIK CEMPAKA



SUNGAI LOPO



BUKIT BROGA



Semenyih
EcoVenture
resort & recreation

PLAY HARD • GET DIRTY • HAVE FUN!!!



SATE KAJANG



SUNGAI CONGKAK



German Malaysian Institute, Bangi



Kolej Poly-Tech Mara, Bangi



Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi



Mara Japan industrial Institute, Beranang



Universiti Tunku Abdul Rahman, Kajang



Malaysia France Institute, Bangi



PIHAK BERKEPENTINGAN

STAKEHOLDER

- Kerajaan Pusat
- Kerajaan Negeri
- Ahli Majlis

PELANGGAN DALAMAN


- Warga Kerja
- Jawatankuasa Wakil Pekerja
- Kelab/Persatuan Dalaman
- Keluarga Warga Kerja

PELANGGAN LUARAN

- Pembayar Cukai Residen
- Sektor Awam/Swasta
- Badan Bukan Kerajaan
- Jawatankuasa Penduduk/Persatuan

GARIS MASA

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



MAJLIS BANDARAYA KAJANG

TAHUN 2023

← PERANCANGAN

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

TAHUN 1997-KINI

MAJLIS DAERAH HULU LANGAT

TAHUN 1986-1997



2009



PELAN STRATEGIK MPKj
2009-2013


2015

2021



PELAN STRATEGIK MPKj
2021-2025

2025



GARIS PERANCANGAN

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



PELAN STRATEGIK MPKJ
2015-2020

2023



KEARAH MAJLIS
BANDARAYA KAJANG



MAJLIS BANDARAYA KAJANG

VISI

Bandaraya Berdaya Huni,
Menjana Ekonomi Negara

MISI

Pembangunan seimbang yang menekankan konsep dayahuni serta kehidupan lestari penjana ekonomi setempat ke arah Bandaraya Sejahtera

MOTO

Perbandaran Harmoni Memberdaya
Ekonomi Mampan

KONSEP BANDARAYA BERDAYA HUNI, MEMBERDAYA EKONOMI

Bandaraya yang memberikan ruang daya huni yang bersesuaian dengan gaya hidup masa kini dan akan datang. Komuniti yang saling bantu membantu dan terlibat secara aktif dalam memupuk hubungan kejiwaan yang mesra. Fungsi MPKj sebagai pemudahcara dalam memastikan Komuniti Inklusif di antara pemegang taruh di pelbagai peringkat. Penjana Ekonomi Hiliran sebagai pemberdaya lestasi serta menyokong pembangunan persekitaran yang berdaya saing. Penyediaan infrastruktur dan pelan bersepadu dalam memastikan budaya berteraskan pengetahuan (knowledge based).


CIRI-CIRI BANDARAYA PINTAR

Bandaraya yang mempunyai ciri **pintar**, berteraskan data untuk memperkasakan pembangunan serta menggunakan teknologi terkini dalam pemantauan sistem penyampaian / keberhasilan secara bersepadu. Warga kerja yang cekap dengan sokongan aplikasi mudah capai oleh semua pemegang taruh dan bersifat 'real time' dalam menyampaikan perkhidmatan bertaraf dunia. Penduduk yang responsif serta celik IT dan bertanggungjawab mengekalkan kejiwaan pintar.

CIRI-CIRI BANDAR HIJAU

"Bandar Hijau" ditafsirkan sebagai sebuah bandaraya yang dirancang dengan prinsip bandar mampan, mempunyai program-program dan inisiatif-inisiatif bagi memelihara alam sekitar dan sumber semula jadi dengan tujuan untuk mengurangkan kesan negatif aktiviti manusia ke atas alam sekitar.

Aspek-aspek lain yang sering dikaitkan dengan konsep bandar hijau adalah pengurusan sumber jaya boleh diperbaharui dan tidak boleh diperbaharui (renewable and non-renewable resources), pengurusan sisa pepejal dan pengurangan tahap gas rumah hijau (green house gas-GHG) seperti karbon dioksida (carbon dioxide-CO₂) kesan dari pelbagai aktiviti manusia.



MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

VISI
Bandaraya Berdaya Huni,
Menjana Ekonomi Negara

MISI
Pembangunan seimbang yang menekankan konsep dayahuni serta kehidupan lestari penjaminan ekonomi setempat ke arah Bandaraya Sejahtera



DIGITALISASI

BERDAYA HUNI

Mampan (Sustainable)

- Tenaga Diperbaharui
- Pengurusan Sisa Pepejal
- Amalan Lestari

Hijau (Green)

- Low Carbon City (LCC)
- Green Landscape (Pocket)

Kesalinghubungan (Connectivity)

- Pengangkutan Pintar
- Selamat
- Tersusun

EKONOMI MAMPAN

Berdaya (Empower)

- Self Sustain
- Ekonomi Sokongan
- Ekonomi Digital

Sistem Sokongan (Support)

- Infrastruktur
- OSC
- Sedia Digunakan (Scalable)

Nilai Tambah (Value Add)

- Rangkaian Pintar
- Nilai Ekonomi
- Kecemerlangan Operasi

KONSEP SKOR DALAM MEMBANGUNKAN KEARAH BANDARAYA KAJANG 2025

PERANAN	SOSIAL	KOMERSIAL	PENGOPERASIAN	REPUTASI	PERSEKITARAN
PENDUDUK / PERNIAGAAN / INSTITUSI / PERKHIDMATAN	<ul style="list-style-type: none"> Pewujudan konsep daya huni serta suasana mesra dan sosial yang tinggi berpaksikan budaya yang diterapkan secara sadar Jalinan tidak formal yang membentuk kemasyarakatan mampan 	<ul style="list-style-type: none"> Fokus kepada sumbangan kewangan, pelanggan, produk, inovasi, pasaran Penggunaan bajet yang optimum serta memenuhi aspirasi pemegang taruh Pewujudan sektor sokongan ekonomi setempat 	<ul style="list-style-type: none"> Fokus kepada kecekapan penyelesaian isu berbangkit, jangkaan bidang yang diperlukan oleh penduduk, penjimatan Kesinambungan proses dan sinergi berpaksikan kepada Konsep Daya Huni dan Ekonomi 	<ul style="list-style-type: none"> Reputasi dari kaca mata pelanggan, pemegang taruh, warga kerja, perniagaan dan semua yang terlibat Pembangunan indeks persepsi reputasi juga sebagai bidang yang perlu diukur 	<ul style="list-style-type: none"> Fokus kepada penggunaan sumber yang menyeluruh tanpa merosakkan alam sekitar Peraturan keselamatan dan kesihatan yang bertaraf antarabangsa
WARGA KERJA / KERAJAAN NEGERI / KPKT	<ul style="list-style-type: none"> Dasar sosial yang jelas Warga kerja yang pelbagai (bangsa, agama, jantina) Sokongan yang menyeluruh diperingkat Negeri dan Persekutuan 	<ul style="list-style-type: none"> Penambahan peruntukan dan cukai yang berpatutan Menambah nilai dalam perkhidmatan yang ditawarkan Bertindak sebagai pemudahcara dalam urusan komersial 	<ul style="list-style-type: none"> Cekap dalam mengurus sumber yang terhad Mencari ruang dan peluang untuk meningkatkan perkhidmatan setara dengan PBT lain Proses kerja yang telus dan berintergriti 	<ul style="list-style-type: none"> Diyakini dengan keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan yang cemerlang Gigih serta berfikiran terbuka dalam menangani isu / cabaran 	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggung jawab untuk memastikan kelestarian sumber asli Menyedia dasar yang mesra alam sekitar Memacu perlindungan alam sekitar



STRATEGI DAN INISIATIF SKOR DALAM MEMBANGUNKAN KE ARAH BANDARAYA KAJANG 2025

SKOR	STRATEGIS	IATIF / PROGRAM
KOMERSIAL	Pemeriksaan garis panduan mesra perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan garis panduan sedia ada • Pemilihan garis panduan untuk memperkasakan inisiatif mesra perniagaan • Pengukuran keberkesanan program mesra perniagaan
	Pewujudan perwakilan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelantikan badan perwakilan mengikut industri / bidang / fokus majlis • Pewujudan program bersama perniagaan • Penyelesaian secara muafakat
	Pemeriksaan hubungan antara perniagaan dan majlis	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan mekanisme pengukuhan perhubungan bersama wakil perniagaan • Pewujudan kaedah pengukuran yang bersesuaian (indeks kepuasan perniagaan / mesra perniagaan) • Pembangunan program di peringkat negeri dan persekutuan
PENGOPERASIAN	Pelaksanaan bandar berdaya huni	<ul style="list-style-type: none"> • Pewujudan konsep bandar berdaya huni • Pemilihan kawasan yang sesuai untuk projek daya huni • Pelaksanaan program bandar berdaya huni
	Pelaksanaan bandar hijau	<ul style="list-style-type: none"> • Pelarasan bandar hijau di peringkat negeri dan persekutuan • Pembangunan pelan bandar hijau kajang • Pelaksanaan bandar hijau lestari
	Pelaksanaan bandar pintar	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan domain bandar pintar • Pelaksanaan kajian penerapan konsep bandar hijau • Pelaksanaan program bandar pintar selari dengan kehendak pemegang taruh
REPUTASI	Pengukuhan jenama majlis	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan kajian jenama majlis • Pemilihan bidang untuk diperkasakan • Penyediaan program pengukuhan jenama
	Pelantikan duta majlis	<ul style="list-style-type: none"> • Pelantikan duta majlis • Pembangunan program selari dengan reputasi sebagai bandaraya • Pelaksanaan program kesinambungan dari pelapis masyarakat
	Pemilihan bandar kembar	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan kriteria bandaraya kajang masa akan datang • Pelaksanaan kajian bandar yang setara dengan hasrat majlis • Pelaksanaan program bersama bandar kembar
PERSEKITARAN	Pemuliharaan sumber asli	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan kawasan untuk pemuliharaan • Pembangunan program yang mesra alam • Pengukuran keberkesanan program pemuliharaan
	Pengukuhan pemahaman penduduk	<ul style="list-style-type: none"> • Pewujudan konsep perkongsian alam sekitar • Pemilihan program yang sesuai dengan 'sustainable development goals (SDGs) • Pelaporan SDGs kepada pemegang taruh
	Pewujudan insentif pemuliharaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan kajian insentif pemuliharaan • Pewujudan konsep tanggungan bersama • Pelaksanaan program yang bersesuaian

STRATEGI DAN INISIATIF SKOR DALAM MEMBANGUNKAN KE ARAH BANDARAYA KAJANG 2025

SCORES	TRATEGII	NISIATIF / PROGRAM
SOSIAL	Pengukuhan jaringan sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Pembentukan jaringan sosial di setiap kawasan • Pelaksanaan program sosial yang bersesuaian • Pengukuran keberkesanan program sosial
	Pemeriksaan program kemasyarakatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan program yang sesuai untuk memperkasakan peranan masyarakat setempat • Pemberdayaan ketua masyarakat dalam program terpilih • Pengukuran keberkesanan program secara berkala
	Program keceriaan majlis	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan media sosial sebagai pemangkin • Pewujudan program keceriaan masyarakat setempat • Pelaksanaan program turun padang



1

Memperkasa Tadbir
Urus Organisasi

2

Membudayakan
Inovasi & Teknologi

3

Mewujudkan Komuniti
Yang Responsif &
Bertanggungjawab


4

Menyediakan
Perkhidmatan
Perbandaran
Berkualiti

5

Merealisasikan
Pembangunan
Terancang

5 TERAS STRATEGIK



TERAS 1
MEMPERKASA
TABIR URUS
ORGANISASI



**KECEMERLANGAN
OPERASI**



**PEMANTAPAN
MODAL INSAN**



**KECEKAPAN PENGURUSAN
KEWANGAN**

TERAS 01: MEMPERKASA TADBIR URUS ORGANISASI

PROGRAM	BIDANG FOKUS	KEBERHASILAN	SASARAN	SASARAN TEMPOH	PELAKSANA
KECEMERLANGAN OPERASI	MEMPERKASAKAN PERUNDANGAN & PENGUATKUASAAN	PENAMBAHAN KEANGGOTAAN	30 ANGGOTA	2023	JABATAN PENGUATKUASA JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
		PINDAAN / PENGUBALAN UNDANG-UNDANG KECIL	3 PINDAAN / PENGUBALAN UUK	2024	JABATAN UNDANG-UNDANG
		PEMBUDAYAAN INTEGRITI	SIFAR RASUAH	2023	BAHAGIAN INTEGRITI JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
	MEMBUDAYAKAN AMALAN TERBAIK	PENYELESAIAN ISU / ADUAN PELANGGAN BERSEPADU	PUSAT SEHENTI	2024	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
		PENGAMALAN BUDAYA KERJA CEMERLANG	PENGIKTIRAFAN	2021-2025	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
	MENINGKATKAN REPUTASI	PENGUKUHAN JENAMA	INDEKS JENAMA	2023	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
		PEMANTAPAN KOMUNIKASI DUA HALA	KOMUNIKASI TELUS	2023	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
PEMANTAPAN MODAL INSAN	MENYUSUN FUNGSI DAN ORGANISASI	PENSTRUKTURAN SEMULA CARTA FUNGSI DAN CARTA ORGANISASI	CARTA FUNGSI DAN CARTA ORGANISASI BAHARU	2023	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
	MEMANTAPKAN KOMPETENSI WARGA MPKJ	PENINGKATAN KOMPETENSI DAN PRESTASI	PEMATUHAN KEPADA POL	2023	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN	MEMPERKASAKAN KEDUDUKAN KEWANGAN	PENINGKATAN CUKAI	PENINGKATAN KETARA	2023-2025	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA JABATAN PERBENDAHARAAN
		PENGENALAN SUMBER CUKAI BAHARU	PENINGKATAN HASIL	2023-2025	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA JABATAN PERBENDAHARAAN
		PEWARTAAN SENARAI NILAI PEGANGAN	PENAMBAHAN NILAI PEGANGAN	2023-2025	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
		PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN	PENGIKTIRAFAN KECEKAPAN KEWANGAN	2021-2025	JABATAN PERBENDAHARAAN
	MEMPERKUKUHKAN HASIL BUKAN CUKAI	PROGRAM PEMUTIHAN PREMIS / PENJAJA / BILLBOARD / PAPAN IKLAN	EMPAT (4) KALI SETAHUN	2022-2025	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA JABATAN PENGUATKUASA
		PENGURUSAN FASILITI LAMAN NIAGA	LIMA (5) LOKASI	2021-2025	JABATAN PELESENAN DAN PENJAJA
		GERAK KERJA BERSAMA AGENSI LAIN	TIGA (3) PROGRAM / OPERASI BERSAMA	2023-2025	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



**TERAS 02:
MEMBUDAYAKAN
INOVASI DAN TEKNOLOGI**

1

DIGITALISASI

2

**MINDA
INOVASI**

TERAS 02: MEMBUDAYAKAN INOVASI DAN TEKNOLOGI

PROGRAM	BIDANG FOKUS	KEBERHASILAN	SASARAN	SASARAN TEMPOH	PELAKSANA
DIGITALISASI	PEMERKASAAN PENYAMPAIAN	PENYELARASAN SISTEM DIGITAL BERPAKSIKAN PELANGGAN	APLIKASI MESRA PELANGGAN	2021-2025	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
	PEMACU PENYAMPAIAN	PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT SEBAGAI TERAS	PENDIGITALAN SEKTOR AWAM	2021-2025	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
	PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR	PEMILIHAN INFRASTRUKTUR	NAIKTARAF INFRASTRUKTUR	2021-2025	JABATAN KEJURUTERAAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN (PENGURUSAN PROJEK)
MINDA INOVASI	PEWUJUDAN BUDAYA INOVASI	PENERAPAN BUDAYA INOVASI	ANUGERAH	2021-2025	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
		PENGAMALAN INOVASI	ANUGERAH	2021-2025	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

**TERAS 3:
MEWUJUDKAN
KOMUNITI YANG
RESPONSIF DAN
BERTANGGUNGJAWAB**

1

**KOLABORASI
PINTAR**

2

**MEMBERDAYA
KOMUNITI**

3

**BUDAYA
KEBERTANGGUNG-
JAWABAN**

TERAS 03: MEWUJUDKAN KOMUNITI YANG RESPONSIF DAN BERTANGGUNGJAWAB

PROGRAM	BIDANG FOKUS	KEBERHASILAN	SASARAN	SASARAN TEMPOH	PELAKSANA
KOLABORASI	PENEKANAN KE ARAH KOLABORASI	PEMBANGUNAN KERANGKA KOLABORASI	PENGHASILAN / PELAKSANAAN PROGRAM	2021-2025	SEMUA JABATAN
		PEMILIHAN RAKAN KONGSI STRATEGIK	KERJASAMA / MOU	2021-2025	SEMUA JABATAN
		PENINGKATAN USAHASAMA PINTAR	TIGA (3) USAHASAMA	2021-2025	SEMUA JABATAN
MEMBERDAYA KOMUNITI	PEMILIHAN PROGRAM PEMBERDAYAAN	PEMBANGUNAN KOMUNITI RESPONSIF	LIMA (5) PROGRAM	2021-2025	BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
		PEMUPUKAN SEMANGAT KEKITAAN	TIGA (3) KERANGKA / PELAN TINDAKAN	2021-2025	BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
BUDAYA KEBERTANGGUNG JAWABAN	PERKONGSIAN TANGGUNG JAWAB	PEMBANGUNAN SIKAP TANGGUNG JAWAB MASYARAKAT	LIMA (5) PROGRAM	2021-2025	BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
		PEMUPUKAN BUDAYA DI AKAR UMBI	TIGA (3) INISIATIF	2021-2025	BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

1
**BANDARAYA
BERDAYA HUNI**

**TERAS 4:
MENYEDIAKAN
PERKHIDMATAN
PERBANDARAN
BERKUALITI**

2
**BANDARAYA
PINTAR**

3
**BANDARAYA
HIJAU**

TERAS 04: MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN BERKUALITI

PROGRAM	BIDANG FOKUS	KEBERHASILAN	SASARAN	SASARAN TEMPOH	PELAKSANA
BANDARAYA BERDAYA HUNI	PEMBANGUNAN PELAN BANDARAYA BERDAYA HUNI	PENUBUHAN JAWATAN KUASA BANDARAYA BERDAYA HUNI	STATUS BANDARAYA BERDAYA HUNI	2022-2025	JABATAN KEJURUTERAAN JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN UNIT PUSAT SETEMPAT
		PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR			
		PEMANTAUAN PELAKSANAAN			
BANDARAYA PINTAR	PEMBANGUNAN PELAN BANDARAYA PINTAR	PENUBUHAN JAWATAN KUASA BANDARAYA PINTAR	STATUS BANDARAYA PINTAR	2022-2025	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN JABATAN PELESENAN DAN PENJAJA JABATAN PERBENDAHARAAN JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
		PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR			
		PEMANTAUAN PELAKSANAAN			
BANDARAYA HIJAU	PEMBANGUNAN PELAN BANDARAYA HIJAU	PENUBUHAN JAWATAN KUASA BANDARAYA HIJAU	STATUS BANDARAYA HIJAU	2022-2025	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN JABATAN PELESENAN DAN PENJAJA JABATAN LANSKAP DAN REKREASI JABATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN
		PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR			
		PEMANTAUAN PELAKSANAAN			



**TERAS 05:
MEREALISASIKAN PEMBANGUNAN
TERANCANG DAN MAMPAN**

1

**PEMBANGUNAN
BERSEPADU**

2

**EKONOMI
HILIRAN**


3

**JARINGAN
PENGANGKUTAN**

TERAS 05: MEREALISASIKAN PEMBANGUNAN TERANCANG DAN MAMPAN

PROGRAM	BIDANG FOKUS	KEBERHASILAN	SASARAN	SASARAN TEMPOH	PELAKSANA
PEMBANGUNAN BERSEPADU	PERANCANGAN JANGKA PANJANG	PEMBANGUNAN TERANCANG	RANCANGAN TEMPATAN BAHARU	2021-2025	JABATAN KEJURUTERAAN JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN UNIT PUSAT SETEMPAT
		PEMATUHAN RANCANGAN TEMPATAN	RANCANGAN KAWASAN KHAS		
EKONOMI HILIRAN	PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN SOKONGAN	PEMILIHAN SEKTOR EKONOMI HILIRAN	FOKUS EKONOMI	2023-2025	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN JABATAN PELESENAN DAN PENAJA JABATAN PERBENDAHARAAN JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
		PEMERKASAAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN EKONOMI	INISIATIF GALAKAN EKONOMI		
		PEMUDAHCARAAN PEMBANGUNAN EKONOMI	EKONOMI SECARA DIGITAL		
JARINGAN PENGANGKUTAN	PERANCANGAN KESALINGHUBUNGAN	PENGUKUHAN JARINGAN SEDIA ADA	PELAKSANAAN / PENAMBAHBAIKAN JALAN	2023-2025	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN JABATAN PELESENAN DAN PENAJA JABATAN LANSKAP DAN REKREASI JABATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN
		PENGENALPASTIAN KEPERLUAN BAHARU	DUA (2) CADANGAN BAHARU		





2026

2026

Penilaian Penuh dan Perancangan Pelan Strategik Baharu

2025

Penilaian Pencapaian Secara Berkala (Tahunan)

2025



2024

2024

Penilaian Pencapaian Secara Berkala (Tahunan)

2023

Penilaian Separuh Penggal

2023



2022

2022

Penilaian Pencapaian Secara Berkala (Tahunan)

2021

Penilaian Pencapaian Secara Berkala (Tahunan) 2021

2021



2021

2021

Pelan Strategik MPKj Dilancarkan



PENUTUP

*Pelan Strategik MPKj tahun 2021-2025 merupakan panduan tindakan kerja kepada warga MPKj untuk tempoh lima tahun bagi mencapai hala tuju visi, misi dan moto yang digariskan serta impian Majlis Perbandaran Kajang dinaiktaraf sebagai **Majlis Bandaraya Kajang**. Melalui **Pelan Strategik MPKj 2021-2025** adalah diharapkan dapat melonjakkan sistem penyampaian perkhidmatan dan infrastruktur serta mengekalkan kecemerlangan sebagai sebuah organisasi yang proaktif.*

*Komitmen padu seluruh warga **MPKj** dalam menjiwai dan berusaha melaksanakan sasaran kerja dalam Pelan Strategik ini adalah faktor penyumbang kepada pencapaian outcome atau impak yang diharapkan. Di samping itu, proses penambahbaikan dan semakan pencapaian perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut perubahan keperluan, cabaran dan polisi-polisi baru.*

Akhir sekali, segala perancangan hanya dapat dilaksanakan dan mencapai matlamat sekiranya pemegang taruh memberikan sepenuh iltizam dan kerjasama kepada Majlis Perbandaran Kajang dalam merealisasikan semua sasaran tersebut.





MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.



MPKAJANG